

Penduduk **luah rasa lega**

Masalah cerun runtuh sejak 10 tahun lalu dalam proses baik pulih

BUKIT BERUNTUNG Penduduk Bandar Bukit Beruntung kini boleh menarik nafas lega selepas masalah cerun di Sungai Guntung yang runtuh sejak lebih 10 tahun lalu kini sedang dalam proses baik pulih dengan kos sebanyak RM335 juta.

Suppama Virasamy, 74, berkata, akibat cerun yang runtuh, rumahnya kini menjadi mangsa dan mengalami banyak keretakan.

"Baguslah cerun yang runtuh di depan rumah kami ini akan dipasang dengan tembok baharu, sekurang-kurangnya selepas ini, tidak ada retak baharu pula yang timbul.

"Saya sudah duduk sini sejak lebih 20 tahun lalu dan keadaan rumah ini baik-baik saja. Bila tebing runtuh, ia menjejaskan rumah kami.

"Jika hujan, air limpahan dari Sungai Guntung berhampiran juga akan naik sampai masuk ke rumah hingga kami sekeluarga rasa rimas dengan keadaan yang berlanjutan sejak 10 tahun lalu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tamilselvi, 53, berkata, keadaan rumahnya juga terjejas teruk dan jelas kelihatan dinding di rumahnya retak akibat aliran air yang mengalir di bahagian bawah tanah.

"Keadaan jadi lebih teruk jika musim hujan kerana kita akan sentiasa berasa takut retak yang berlaku menjadi lebih teruk hinggalah rumah kami berisiko untuk runtuh.

"Bila Jabatan Pengairan dan Saliran pasang tembok yang baharu, sekurang-kurangnya bolehlah kami rasa sedikit lega," katanya.

Ravi Muthiah, 49, berkata, cerun yang runtuh itu juga mengakibatkan berlakunya hakisan tanah di hadapan rumahnya dan keluarganya ter-



Kesan hakisan tanah sejak 10 tahun lalu hingga kini masih jelas kelihatan di Sungai Guntung.

dedah kepada risiko tanah runtuh.

"Rumah saya juga sudah banyak yang retak, sampaikan jari kita pun boleh masuk dalam dinding yang retak itu.

"Setakat yang saya tahu, 11 rumah mengalami keretakan teruk akibat hakisan tanah dan aliran air dari bawah tanah dan dengan tembok yang sedang dibina itu, kami cukup gembira dan ia beri sinar kepada kami sekeluarga," katanya.

Ahli majlis bawa usul sejak 10 tahun lalu

Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor, June Leow berkata, pihaknya sudah



JUNE LEOW



SUPPAMA

pun mendesak pihak berwajib untuk menyelesaikan masalah cerun yang runtuh ini sejak 10 tahun lalu.

"Saya tidak tahu mengapa hanya baru-baru ini saja mereka luluskan peruntukan sebanyak RM335 juta itu kerana sepatutnya ia patut dibaiki sejak 10 tahun lalu selepas ia runtuh.



Ravi menunjukkan jarinya yang boleh masuk ke celah dinding selepas retak akibat hakisan tanah di hadapan rumah setelah cerun Sungai Guntung runtuh sejak 10 tahun lalu.

"Tembok yang juga dikenali sebagai 'monsun drain' ini akan berfungsi sebagai penahan tanah dari runtuh dan juga meluaskan keadaan longkang yang mengalirkan air Sungai Guntung ini hingga 11 meter.

"Dengan peruntukan dari kerajaan persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Selangor ini, projek pembinaan tembok 'monsun drain' ini akan memberi kelegaan kepada penduduk di kawasan berhampiran iaitu di kawasan perumahan kos rendah kerana rumah mereka sekarang ini sudah cukup teruk akibat dari hakisan tanah," katanya.

JPS jangka projek siap hujung tahun ini

Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Selangor turut memberi respon segera berhubung pembinaan tembok 'monsun drain' ini dan menjangkakan projek boleh siap pada hujung tahun ini.

Penguasa Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Selangor, Halim Masri berkata, pihaknya tidak menerima aduan berhubung runtuhan tebing itu yang sudah menjangkau hingga 10 tahun.

"Sukar juga saya mahu jelaskan mengapa ia mengambil masa terlalu lama kerana saya sendiri baru saja dua tahun pegang jawatan ini dan selepas saja saya mendapat aduan, saya terus membuat kertas kerja dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

"Selalunya, selepas aduan diterima, kita akan buat kertas kerja untuk memohon peruntukan dan kita buka tender kepada pemaju yang berminat.

"Tetapi, saya harap penduduk di kawasan terlibat tidak lagi gusar kerana kerja-kerja pun sudah dimulakan sejak dua minggu lalu dan tembok 'monsun drain' ini akan dibina hingga menjangkau 600 meter panjang," katanya.

Kontraktor sedang menjalankan kerja baik pulih dan pemasangan tembok 'monsun drain' di Bandar Bukit Beruntung.

